

**UCAPAN PERASMIAN
YG. BHG. DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PERSIDANGAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM KE 23
DI HOTEL SUTRA HABOUR,
KOTA KINABALU, SABAH
3 – 5 SEPTEMBER 2007**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha

Tuan Haji Ab Gani b Haron

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Yang Berusaha

Tuan Haji Sahar bin Othman

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Persidangan

20 September 2007

Yang Berusaha
Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad
Pengarah JANM Negeri Sabah,
Tuan rumah persidangan

Pengarah-Pengarah Bahagian

Tuan-tuan dan Puan-puan
Peserta persidangan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Dan salam sejahtera
Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izin
dan rahmat Nya, dapat kita berkumpul di Persidangan
Akauntan Sektor Awam ke 23 ini.

Terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Persidangan
yang telah menjemput saya merasmikan persidangan dwi
tahunan ini. Tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa
Persidangan, PERASAMA dan JANM Negeri Sabah di atas usaha
dan komitmen yang ditunjukkan bagi bersama-sama
menjayakan persidangan ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang dan
mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke

20 September 2007

persidangan akauntan sektor awam ke 23 ini. Sesungguhnya saya amat berbesar hati kerana persidangan yang dianjurkan ini telah juga mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan daripada akauntan-akauntan dari pelbagai agensi dan badan berkanun.

Penyertaan lebih daripada 400 orang akauntan sektor awam di persidangan pada kali ini merupakan penyertaan yang terbesar untuk persidangan akauntan. Angka penyertaan pada tahun ini adalah dua kali ganda angka penyertaan persidangan akauntan ke 22 di Melaka pada tahun 2005. Peningkatan ini juga adalah selari dengan pertambahan bilangan akauntan dari hanya seramai lebih kurang 400 orang di JANM pada tahun 2005 kepada lebih 600 orang kini.

Peningkatan yang ketara dalam tempoh dua tahun ini membuktikan betapa pentingnya peranan akauntan. Justeru, para akauntan harus memastikan kepentingan tersebut terus kekal bersama kemajuan dan pembangunan negara kita.

Pemilihan tema ***Excellent Accounting @ Your Service***, yang juga merupakan tagline JANM, sebagai tema untuk persidangan kali ini amat bertepatan sekali dengan hasrat dan aspirasi kerajaan. Slogan **Go For Maximum Acceptance and Satisfaction** bagi GFMAS yang telah diperkenalkan membuktikan betapa tingginya komitmen JANM ke arah mempertingkatkan Public Delivery System (PDS).

Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan, JANM telah mengkaji semula dan mengemaskini Petunjuk Utama Prestasi (*Key Performance Indicators* -KPI) dalam menetapkan dan mengukur sasaran yang hendak dicapai. Pelaksanaan KPI ini seterusnya diharapkan dapat merealisasikan misi jabatan untuk memberikan perkhidmatan cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Cabaran utama yang perlu kita tangani dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan adalah mengurus perubahan. Untuk terus kekal relevan, perkhidmatan yang diberikan perlu sentiasa ada pembaharuan selaras dengan perkembangan global. Saya berkeyakinan tuan-tuan dan puan-puan mampu berdepan serta berupaya mengurus perubahan yang memerlukan kita sentiasa berusaha meningkatkan tahap kompetensi. Namun, dalam mengejar kemajuan diri dan kerjaya, suka saya mengingatkan agar kita semua tidak lupa pada etika, budaya dan adap timur kita, serta berharap agar semua ini diseimbangkan dengan kemantapan dan kekuatan rohani.

Perubahan yang paling ketara yang dihadapi oleh para akauntan kini selain daripada globalisasi adalah kemajuan teknologi. Kecanggihan teknologi pada masa kini membolehkan tugas dilaksanakan dengan keupayaan sumber

20 September 2007

manusia yang minimum dan sebilangan besar kerja dapat dilaksana dengan cara mengagihkan kuasa dan tanggungjawab melalui desentralisasi.

Tidak dapat dinafikan kemajuan teknologi banyak membantu jabatan menjadi lebih produktif dan seterusnya berjaya meningkatkan sistem penyampaian awam. Namun, kemajuan memerlukan pembaharuan. Selain daripada keperluan menguasai kemahiran, kita juga tidak dapat lari dari melalui perubahan dari segi struktur dan perilaku organisasi (*organizational behaviour*). JANM juga tidak terkecuali dalam hal ini.

Justeru, warga JANM khususnya, harus bersedia untuk melangkah ke fasa (4th quadrant) seterusnya di mana peranan dan fungsi sebagai pakar perunding lebih ditekankan. Untuk itu, para akauntan semua disarankan agar melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

Tugas-tugas perakaunan yang lazim dilakukan dan dikaitkan dengan tugas seorang akauntan tidak akan lagi menjadi fungsi utama, sebaliknya tanpa disedari, secara perlahan-lahan ianya telah beralih kepada tugas-tugas naziran, pemantauan, siasatan dan *due diligence*. Selaras dengan itu, kita haruslah bersedia untuk menghadapi perubahan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kemajuan yang dilalui menuntut pembangunan dalam modal insan. Kita harus berusaha mencari kesesuaian dan keserasian antara yang dahulu, kini dan yang akan datang, selari dengan arus perubahan dan seiring dengan kemajuan teknologi. Kejayaan sesebuah organisasi banyak bergantung kepada komitmen dan penglibatan warganya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Gunakanlah sepenuhnya peluang yang ada untuk menimba dan menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran diri. Sesungguhnya, kecemerlangan sesebuah organisasi terletak pada modal insanya yang merupakan aset yang paling berharga, terutamanya bagi organisasi dalam industri perkhidmatan.

Kita sedia maklum bahawa pembangunan modal insan merupakan tunjang utama kepada kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Sungguhpun begitu adalah diakui bahawa proses pembinaan modal insan bukan mudah untuk dilakukan kerana ia menuntut gabungan tenaga dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak.

20 September 2007

Usaha untuk membina modal insan yang cemerlang sentiasa diberi perhatian serius demi kemantapan perkhidmatan. Ini adalah kerana kita bukan hanya berhasrat untuk membentuk tenaga kerja berilmu, berkemahiran dan berfikiran strategik, tetapi juga untuk membentuk sumber manusia yang sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Memiliki kemahiran yang bersesuaian sememangnya merupakan satu kemestian bagi meghadapi cabaran semasa. Namun begitu, untuk mencapai taraf modal insan kelas pertama, ia memerlukan keseimbangan dan keharmonian dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani agar berupaya 'berfikir dan bertindak secara bijak'.

Pembelajaran sepanjang hayat amat dititikberatkan bagi meningkat dan menambah baik kualiti diri. Peluang-peluang mengikuti kursus anjuran kerajaan dan swasta sentiasa diberikan. Setakat ini seramai 19 orang pegawai telah dihantar untuk mengikuti kursus di luar negeri. JANM akan terus berusaha untuk menghantar lebih ramai lagi akauntan untuk menghadiri kursus, seminar dan persidangan dalam bidang yang berkaitan di luar negeri.

Proses pembelajaran juga boleh diperolehi secara tidak rasmi. Contoh terbaik yang sering dilihat adalah melalui kaedah *mentoring* dan *coaching*. Melalui kaedah ini, seseorang dapat

memperolehi panduan, nasihat dan bimbingan agar tugas dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman merupakan aset penting dalam menentukan seseorang pegawai itu berada pada tahap kompetensi yang terbaik atau sebaliknya. Pengetahuan tanpa pengalaman tidak akan menghasilkan pegawai yang cekap. Ini adalah kerana tahap kecekapan itu sendiri bukan hanya diukur dari segi kuantiti, tetapi juga dari segi kualiti. Perlu diambil perhatian bahawa kecekapan sentiasa berubah mengikut persekitaran dalaman dan luaran organisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tugas sebagai seorang akauntan merupakan satu amanah yang harus dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan. Sesungguhnya peranan yang dimainkan amat penting dalam memastikan akauntabiliti dan keutuhan pengurusan kewangan dan perakaunan. Oleh itu, ingin saya mengingatkan, dalam kita mengejar kecemerlangan dalam perkhidmatan, elemen integriti dan akauntabiliti hendaklah diperkasakan dalam diri.

Integriti yang ditekankan tidak hanya melibatkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa malahan ianya merangkumi:

- ≈ Kebijaksanaan,
- ≈ Pelaksanaan amanah dan tanggungjawab dengan jujur dilandaskan yang betul,
- ≈ Berdisiplin, dan
- ≈ Keperibadian mantap

Harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan sekalian dapat menghayati, mengamal dan seterusnya membudayakan tema persidangan: **Excellent Accounting @ Your Service**, agar perkhidmatan perakaunan terus unggul, berkesan, dan penting dalam perkhidmatan awam.

Visi dan misi Jabatan telah ditetapkan. Pemimpin datang dan pergi silih berganti. Kelainan cara kepimpinan yang membedakan pemimpin dalam mencapai visi. Visi tidak akan selalu berubah. Organisasi akan berjalan merewang bagaikan gagak dikejar senapang andainya visi berubah mengikut pemimpin. Tanggungjawab anda semua sebagai suatu warisan, merealisasikan visi yang telah dicipta bersama.

Tiada lain yang ku pinta,
Tiada lain yang ku idamkan,
Tiada lain yang ku impikan,
Excellent Accounting at your service,

Suatu harapan,
Suatu peninggalan,
Suatu warisan.

Akhir sekali, saya ingin berpesan:

Berikanlah perkhidmatan yang terbaik seperti kisah perilaku Si Kembang Cina, pembantu Raden Galuh Cenderakirana, yang digambarkan dalam Hikayat Malim Deman;

Belum dipanggil sudah datang,
Belum disuruh sudah pergi,
Belum diminta sudah diberi,
Belum ditanya sudah jawab.

Sebelum mengakhiri ucapan, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalankan ibadat puasa kepada para peserta yang beragama Islam semoga amal ibadat kita diberkati Allah subhanahuwataala. Akhir kata, saya mengucapkan selamat bersidang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Akauntan Sektor Awam Ke 23.

Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

20 September 2007